

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
MAJLIS PEMBUKAAN JAJARAN TUN RAZAK LINK
LEBUHRAYA DUKE FASA 2 PADA 28 SEPTEMBER 2017

YBhg. **Datuk Ir Hj Ismail bin Md Salleh**

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. **Tan Sri Lim Kang Hoo**

Pengarah Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd.

YBhg. **Tan Sri Lim Keng Cheng**

Pengarah Urusan Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd.

YBrs. En Zakaria Shaffie

Pengarah Projek Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) Fasa 2

Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KESTURI), Wakil-wakil kementerian, rakan-rakan media, Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama berkumpul pada majlis yang penuh bermakna hari ini.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Syarikat Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. (KESTURI) kerana menjemput saya untuk merasmikan Majlis Pembukaan Jajaran Tun Razak Link yang juga dikenali sebagai TRL pada pagi ini.

YBhg. Tan Sri, Dato' dan para hadirin sekalian,

3. Pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Pembinaan jajaran lebuh raya yang kemas dan efisien yang digerakkan secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta menerusi dasar Penswastaan, telah memberikan kesan yang jelas. Nyata, penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan lebuh raya. Tidak boleh dinafikan, pembangunan lebuh raya memberi kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan hartanah, perindustrian dan perbandaran.

4. Dengan adanya lebuh raya baru ini bukan sahaja dapat memudahkan aksesibiliti untuk orang ramai, malahan perjalanan

dipendekkan, pemandu juga dapat menjimatkan masa, menjimatkan kos seperti bahan bakar atau minyak kenderaan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos selenggaraan kenderaan. Ia selaras dengan motto “Ke Arah Kesejahteraan Rakyat”, Kementerian Kerja Raya amat peka terhadap isu dan keperluan masyarakat.

5. Dengan kos pembinaan Lebuhraya DUKE Fasa 2 sebanyak RM1.183 billion, lebuhraya bertingkat ‘*dual 3 lane carriageway*’ ini terbahagi kepada 2 jajaran iaitu Jajaran Tun Razak (TRL) sepanjang 9 km dan Jajaran Sri Damansara (SDL) sepanjang 7.4 km. Jajaran SDL dalam proses kerja-kerja akhir dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

6. Jajaran Tun Razak Link bermula di Jalan Tun Razak berhampiran Hospital Kuala Lumpur / Institut Jantung Negara dan menghala ke Utara melalui Jalan Pahang dan Jalan 9/48A untuk menghubungkan ke jajaran sedia ada Lebuhraya DUKE Fasa 1 dan juga Jalan Gombak. Jajaran ini mengandungi 2 persimpangan bertingkat, 2 pusingan U bertingkat, 4 tanjakan keluar/masuk dan 1 plaza tol iaitu Plaza Tol Sentul Tambahan.

7. Jajaran Tun Razak Link ini bukan sahaja dapat membantu dalam penyuraian trafik, tetapi juga berupaya menyediakan sambungan untuk menghubungkan kawasan baharu dengan lebuhraya sedia ada. Kawasan sekitar utara Kuala Lumpur, terutamanya Gombak, Jalan Genting Klang dan Bandar Baru Sentul akan mendapat manfaat daripada akses dan sambungan yang disediakan oleh Tun Razak Link Lebuhraya DUKE Fasa 2 ini.

8. Pada 23 Mei 2017 yang lalu, saya telah mengadakan lawatan tapak ke jajaran Tun Razak Link Lebuhraya DUKE Fasa 2 untuk meninjau perancangan skim pelan pengurusan lalu lintas. Melalui pelan pengurusan lalu lintas tersebut, KESTURI telah membuka laluan lencongan dari Jalan Tun Razak menghala ke Lebuhraya DUKE sedia ada bagi membantu melancarkan trafik sepanjang bulan Ramadan yang lepas.

9. Saya telah dimaklumkan bahawa sejak pembukaan tersebut didapati laluan lencongan ini telah mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di Bulatan Pahang dan juga di Jalan Tun Razak. Laluan ini menjadi alternatif kepada pengguna dari Jalan Tun Razak yang ingin terus ke Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK).

10. Dengan kewujudan akses baharu di sepanjang lebuhraya DUKE seperti persimpangan bertingkat di Bulatan Pahang, saya berharap ianya dapat memudahkan orang ramai untuk ke Jalan Tuanku Abdul Halim dan Jalan Gombak sekaligus dapat melancarkan aliran trafik di kawasan-kawasan sekitar Bulatan Pahang.

11. Selain itu, sistem penyuraian trafik yang lengkap dan efisien juga dijangka akan dapat menyokong dan meningkatkan pembangunan di sepanjang koridor lebuhraya DUKE. Kepesatan pembangunan di sepanjang koridor lebuhraya DUKE ini juga akan menyebabkan pertambahan kadar nisbah plot pembangunan yang secara tidak langsung akan meningkatkan hasil pendapatan agensi kerajaan tempatan melalui kutipan premium pertukaran tanah, cukai pintu, cukai taksiran dan lain-lain.

12. Dedikasi dan komitmen yang berterusan daripada KESTURI dalam membantu pembangunan infrastruktur negara amat dihargai. Kami berharap, usaha “*Public Private Partnership*” diantara pihak Ekovest dengan kerajaan ini dapat diteruskan untuk masa akan datang. Kami juga amat berbesar hati dan memuji usaha syarikat KESTURI dan juga Ekovest Berhad dalam merealisasikan usaha Kerajaan ini.

13. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah bertungkus-lumus bersama-sama dengan syarikat konsesi untuk memantau dan menyiapkan projek ini dengan jayanya. Pencapaian ini sekali lagi adalah bukti keberkesanan kerjasama awam swasta dalam pembangunan infrastruktur negara.

14. Pihak Kerajaan juga berharap pihak KESTURI akan terus mengekalkan dan meningkatkan mutu perkhidmatannya (*Level of Service*) dalam mengendalikan operasi Lebuhraya DUKE. Pihak Kementerian juga amat berbesar hati kerana difahamkan reka bentuk lebuhraya DUKE Fasa 2 ini telah dioptimumkan untuk sistem kutipan tol RFID dan MLFF yang dijangka akan diperkenalkan tidak lama lagi. Syabas kepada pihak pengurusan KESTURI yang menyokong usaha Kerajaan ini dan juga secara sukarela menjadi perintis dalam memperkenalkan sistem kutipan tol baru ini.

15. Tanpa melengahkan masa, saya dengan ini ingin mengumumkan jajaran TRL ini akan dibuka kepada umum pada hari ini 28 September 2017 jam 5.00 petang.

16. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, Syarikat Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. (KESTURI) dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek pembinaan lebuhraya ini. Saya percaya, kerjasama pintar seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada semua pihak terbabit malah yang lebih utama, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk sekitar kawasan ini terjamin.

17. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan pembukaan Jajaran Tun Razak Link, Lebuhraya DUKE Fasa 2.

18. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.